



## KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN

### TEKS UCAPAN YB DATUK SERI UTAMA TENGKU ADNAN BIN TENGKU MANSOR MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN

#### KENDURI 1WILAYAH PERSEKUTUAN PARLIMEN BUKIT BINTANG

**SEMPENA SAMBUTAN HARI WILAYAH PERSEKUTUAN 2018**

**22 FEB 2018**

---

**Bismillahirrahmanirrahim**

**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh  
Dan Salam Sejahtera**

1. Alhamdulillah, syukur ke hadrat hadrat Allah SWT kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya kita sekali lagi bertemu dan dapat bersama-sama pada hari ini menyambut Hari Wilayah Persekutuan 2018 Kenduri 1Wilayah Persekutuan.
  
2. Tahun ini adalah tahun kemuncak untuk kita semua di mana kita sekali lagi akan menghadapi pilihanraya. Siapa juga yang disokong, itu adalah hak individu sebagai warganegara Malaysia. Tetapi suka untuk saya ingatkan kepada semua, apa juar yang dinikmati oleh

rakyat pada hari ini, semua adalah hasil usaha berterusan Kerajaan Barisan Nasional yang sentiasa mendahuluikan rakyat dalam segala hal.

3. Pada tahun ini, kita telah membuka tirai 2018 dengan keadaan ekonomi yang bertambah baik. Nilai ringgit berbanding dollar Amerika bertambah kukuh. Justeru, Pelan Transformasi Ekonomi (ETP) yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan dalam membangunkan projek-projek berimpak tinggi dapat memberi ransangan ekonomi yang lebih baik dalam menarik pelabur melabur di negara kita.
4. Malah kedudukan Malaysia juga naik dua anak tangga kepada kedudukan ke-23 daripada 137 negara dalam Laporan Daya Saing Global (GCR) 2017-2018 berbanding tahun lepas pada kedudukan ke-25 daripada 138 negara. Ini adalah data daripada laporan yang dikeluarkan oleh Forum Ekonomi Dunia (WEF).
5. Inilah antara bukti kejayaan cemerlang Kerajaan Barisan Nasional dalam mentadbir negara ini seterusnya memastikan keharmonian kehidupan masyarakat di negara yang sentiasa dijaga dan terpelihara. Sejarah telah membuktikan Kerajaan yang ada pada hari ini adalah sebuah kerajaan yang menjunjung keamanan dan memelihara kedaulatan negara. Oleh itu, bagi memastikan keadaan negara yang dicintai ini terus makmur, aman damai dan dilimpahi rahmat rezeki dengan ekonomi yang sentiasa berkembang mekar, maka saya seru tuan-tuan dan puan-puan pada hari ini untuk

meneruskan sokongan kalian kepada Kerajaan yang ada pada hari ini.

6. **Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati sekalian,**
7. Sekali lagi Kementerian Wilayah Persekutuan dengan kerjasama Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dan Pusat Khidmat Masyarakat Bukit Bintang menganjurkan Kenduri 1Wilayah Persekutuan. Program yang mula diperkenalkan pada tahun 2011 ini, kini telah menjadi *signature* program Sambutan Hari Wilayah Persekutuan yang berkonsepkan mesra rakyat. Kita masih mengekalkan pelaksanaan Kenduri 1Wilayah Persekutuan ini dengan mendekati rakyat secara lebih akrab di semua Parlimen termasuk Putrajaya dan Labuan.
8. Kita mendapati program ini memberi impak yang amat positif kepada warga Wilayah Persekutuan khususnya dalam jalinan ukhwah sesama insan. Program ini juga dilihat dapat menyatukan semua komuniti dengan penglibatan semua lapisan masyarakat dalam melaksanakan dan menjayakan kenduri 1Wilayah Persekutuan ini.
9. Syukur Alhamdulillah, kita boleh mengadakan program sebegini dengan selesa, berkumpul dan beriadah dengan tenang tanpa sebarang ketakutan. Anak-anak berlari keriangan, ibu bapa bermesra dengan jiran tetangga, berkongsi cerita semasa, bergelak ketawa bersama. Kuncinya adalah perpaduan, saling menghormati dan

kerjasama antara satu sama lain membolehkan suasana seumpama ini masih terus dinikmati oleh kita semua.

10. Lantaran itu, dalam soal perpaduan dan saling menghormati ini janganlah tuan-puan sekalian waima kaum apa sekalipun kita, kepercayaan apa sekalipun yang kita pegang, ingatlah akan perlunya kita sentiasa bertoleransi dan bertimbang rasa dalam setiap tindak tanduk yang kita buat. Kerana itu kita patut bersyukur kerana Kerajaan yang mentadbir negara ini mampu mengekalkan keamanan dan mengutamakan kepentingan rakyat demi kesejahteraan negara.
11. Saya dapat lihat kerjasama serta perpaduan sesama komuniti berganding bahu mengadakan rewang memasak makanan, memasang khemah dan menyusun pelbagai aktiviti sampingan lain bagi memeriahkan dan menjayakan program kenduri ini. Inilah impak yang dikehendaki oleh pihak kerajaan untuk merapatkan hubungan dalam komuniti di Wilayah Persekutuan melalui penganjuran Kenduri 1Wilayah Persekutuan ini. Kita tidak mahu pepatah bagi enau dalam belukar, melepaskan pucuk masing-masing. Kita mahu meneruskan adat resam dan menghidupkan suasana masyarakat yang harmoni dan saling bantu membantu serta sentiasa ceria.
12. Selain itu, program ini turut menjadi landasan kepada usaha Kementerian Wilayah Persekutuan dalam menzahirkan keseimbangan pembangunan modal insan warga Wilayah Persekutuan melalui pengisian aktiviti yang melibatkan penyertaan

komuniti berbilang bangsa. Pastinya program Kenduri 1Wilayah Persekutuan ini menjadi salah satu elemen penting dalam memacu perpaduan dan kestabilan sosial khususnya di kalangan warga kota.

13. Seperti tahun-tahun sebelum ini, Kementerian Wilayah Persekutuan, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, Perbadanan Putrajaya, dan Perbadanan Labuan akan mengadakan 13 program kenduri di semua Parlimen di Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan. Saya mengucapkan ribuan terima kasih atas kerjasama yang diberikan oleh semua Pusat Khidmat Masyarakat, badan bukan Kerajaan, Persatuan Penduduk, Majlis Perwakilan Penduduk, Dewan Perniagaan serta anda semua yang sentiasa bersedia menghulurkan tangan untuk bersama-sama Kementerian dalam menyokong segala usaha yang dilaksanakan oleh Kerajaan khususnya. Kementerian juga turut merasa begitu gembira apabila mendapat reaksi yang positif daripada kalangan komuniti yang gembira dengan penganjuran program seumpama ini. Penggabungan pelaksanaan program-program sambutan Hari Wilayah Persekutuan ini bersama agensi, jabatan kerajaan, korporat dan NGO's dapat menjimatkan kos serta pelaksanaan program yang lebih mantap.
14. **Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati sekalian,**
15. Saban tahun, tarikh 1 Februari amat bermakna kepada kita semua sebagai warga Wilayah Persekutuan dengan sambutan Hari Wilayah Persekutuan bagi memperingati pengisytiharan Kuala Lumpur,

Putrajaya dan Labuan sebagai Wilayah Persekutuan. Kementerian Wilayah Persekutuan mula mengadakan sambutan sejak tahun 2004 dan ini merupakan sambutan yang ke-14.

16. Tahun ini Kementerian masih mengekalkan tema sambutan Hari Wilayah Persekutuan iaitu “Wilayah Ceria Rakyat Sejahtera” yang membolehkan kita sentiasa ceria dan harmoni yang seterusnya dapat memberi kesejahteraan kepada rakyat. Ini juga bertepatan dengan aspirasi Kementerian Wilayah Persekutuan yang ingin menjadikan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan sebagai sebuah bandar yang ceria merangkumi persekitaran yang bersih; kemudahan pengangkutan yang kondusif; sistem pengangkutan yang sistematik dan seterusnya meningkatkan produktiviti warga Wilayah Persekutuan.
17. Selain itu, semangat perpaduan, kekitaan, kebersamaan dan menambahkan rasa sayang kepada Wilayah Persekutuan akan terus teguh di kalangan warga Wilayah Persekutuan.
18. Sebanyak 35 program telah dan akan dilaksanakan sepanjang bulan Februari ini yang melibatkan pelbagai lapisan masyarakat dari golongan kanak-kanak, remaja, belia dan juga dewasa serta warga emas. Pastinya program pada tahun ini lebih meriah dan ceria dengan mengekalkan langkah – langkah penjimatan kerajaan dalam aspek penganjuran majlis atau program.

- 19. Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati sekalian,**
20. Untuk makluman tuan-tuan dan puan-puan, Kementerian sentiasa berusaha untuk memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada rakyat. Oleh itu, pelbagai inisiatif mensejahterakan rakyat sentiasa dilaksanakan bagi memastikan rakyat mendapat manfaat yang terbaik daripada pihak kerajaan.
21. Kementerian juga telah melancarkan program Kad Ceria yang merupakan salah satu inisiatif yang dibuat untuk menangani kos sara hidup bagi warga Wilayah Persekutuan. Oleh itu, semua penduduk di Bukit Bintang boleh mengambil kad ceria masing-masing di Pusat Khidmat Masyarakat Bukit Bintang dengan segera supaya boleh menggunakan kad tersebut untuk mendapatkan diskaun barang keperluan harian. Oleh itu, tuan puan bolehlah menyemak lokasi pengambilan kad ceria masing-masing melalui laman web kementerian iaitu [kadceria.kwp.gov.my](http://kadceria.kwp.gov.my).
22. Pada tahun ini, Kerajaan masih meneruskan perkhidmatan bas sekolah secara percuma kepada penduduk PPR MTEN dan PA DBKL. Program ini telah memberi manfaat kepada 8,756 pelajar di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Kita juga mendapat maklum balas yang positif daripada pihak sekolah di mana sejak inisiatif ini diambil, tahap kehadiran pelajar ke sekolah amat tinggi. Kita yakin dengan keselesaan dan kemudahan bas sekolah yang disediakan ini meningkatkan semangat para pelajar untuk hadir ke sekolah. Malah

inisiatif ini juga amat membantu mengurangkan beban ibu bapa dalam menanggung kos perbelanjaan untuk isi rumah mereka.

23. Dalam usaha mengindahkan pemandangan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) telah mengecat baru semua bangunan Projek Perumahan Rakyat (PPR), Perumahan Awam (PA), kuarters peguruan, kuarters Angkatan Tentera Malaysia (ATM), dan kuarters polis serta perumahan kos rendah swasta. 95% kerja-kerja mengecat ini telah siap dilaksanakan oleh DBKL. Untuk makluman,bangunan-bangunan yang dicat semula ini 50% adalah Projek Perumahan Rakyat (PPR) dan Perumahan Awam (PA), 30% adalah kuarters-kuarters kerajaan dan selebihnya 20% adalah perumahan kos rendah swasta. Walaupun perumahan kos rendah swasta sepatutnya di bawah tanggungjawab *Management Community*, namun pihak kerajaan tetap mengambil inisiatif tersebut demi mensejahterakan rakyat terutamanya golongan berpendapatan rendah di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.
  
24. Dalam meningkatkan imej ibu negara Kuala Lumpur sebagai sebuah bandaraya bertaraf dunia, projek menaiktaraf dan pengindahan Jalan Alor Fasa 1 telah siap sepenuhnya pada Mac 2017. Kejayaan ini adalah merupakan usaha dan kerjasama di antara pihak DBKL dengan pemilik-pemilik bangunan dan penjaja di Jalan Alor. Satu ikonik baru iaitu tiang lampu “chopstick” telah dibina yang menjadi mercu tanda utama Jalan Alor yang terkenal sebagai syurga makanan pada waktu malam di Kuala Lumpur.

25. Pusat Penjaja di Jalan Alor akan terus dinaiktaraf melalui projek menaiktaraf dan pengindahan Jalan Alor Fasa 2 bagi menyambung kerja-kerja pengindahan yang merangkumi kawasan pejalan kaki, penyeragaman kiosk dan papan tanda, kerja-kerja landskap dan baik pulih sistem perparitan. Kerja-kerja bagi pelaksanaan Fasa 2 ini akan mula dilaksanakan selepas perayaan Chap Goh Mei pada tahun ini juga. Selain itu, sebagai satu langkah untuk terus menyokong kerancakkan aktiviti perniagaan Pusat Penjaja Jalan Alor ini, DBKL akan membenarkan penutupan jalan di sepanjang Jalan Alor bermula 7:00 malam hingga 2:00 pagi. Penutupan jalan ini adalah bagi menjamin keselamatan dan keselesaan pengunjung yang berjalan kaki ke pusat-pusat penjaja di sepanjang jalan tersebut.
26. Tidak dinafikan kebanjiran pekerja asing sama ada secara sah ataupun tidak sah memberikan pelbagai persepsi negatif kepada rakyat khususnya di Kuala Lumpur ini. Hal ini disebabkan oleh kerancakan ekonomi dan kestabilan politik negara kita sehingga menjadi faktor tarikan kepada mereka untuk bekerja di Malaysia. Walaupun begitu, pihak kerajaan sangat memandang serius perkara ini dan sebagai langkah kawalan, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) telah mengambil langkah kawalan dengan hanya membenarkan 50% pekerja asing diambil untuk bekerja di premis-premis perniagaan di sekitar Kuala Lumpur.

27. DBKL telah mengeluarkan sejumlah 2,000 notis permakluman pendaftaran pekerja di sekitar Bukit Bintang supaya pemilik premis mengisyihar serta mendaftar senarai pekerja termasuk mendapatkan kelulusan daripada pihak berwajib. Oleh itu, perniagaan yang telah menerima notis tersebut dinasihatkan mengambil tindakan segera berhubung perkara ini dan sekiranya gagal berbuat demikian akan dikenakan tindakan pembatalan lesen perniagaan.
28. **Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati sekalian,**
29. Adalah diharapkan kesemua program yang diaturkan ini diharapkan mendapat komitmen dan penyertaan sepenuhnya rakyat daripada pelbagai lapisan masyarakat khususnya warga Wilayah Persekutuan untuk sama-sama merasai kemeriahان Sambutan Hari Wilayah Persekutuan.
30. Akhir kata, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Jawatankuasa Penganjur Kenduri 1Wilayah Persekutuan Parlimen Bukit Bintang dan semua pemimpin masyarakat setempat yang telah bertungkus lumus dan memberikan kerjasama yang amat baik sekali dalam penganjuran program pada hari ini. Semoga segala usaha murni kita ini akan diberkati oleh Allah swt.
31. Dengan ini, saya mengakhiri ucapan saya dengan Wabillahi Taufik Wal hidayah. Wassalamualaikum Warrahmatullahi Wabarakatuh.